



Gapura Ilmu Merentas Dunia

# myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 15

## RANKING WEB OF REPOSITORIES

Universities Hospitals Business Schools Research Centers

SEARCH

HOME NORTH AMERICA LATIN AMERICA EUROPE ASIA AFRICA ARAB WORLD OCEANIA BY AREAS TOP INSTITUTIONALS

TOP PORTALS Malaysia

Current Edition: January 2017 (2017.1.0)

### Malaysia

ranking	World Rank	Instituto	Size	Visibility	Files Rich	scholar
1	290	<a href="#">Universiti Putra Malaysia Institutional Repository</a>	498	562	428	92
2	370	<a href="#">Universiti Sains Malaysia Institutional Repository</a>	768	619	547	125
3	374	<a href="#">International Islamic University Malaysia Repository</a>	366	612	579	186
4	394	<a href="#">Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository</a>	470	472	282	576
5	477	<a href="#">Universiti Malaysia Pahang Institutional Repository</a>	516	705	644	273
6	567	<a href="#">Universiti Kebangsaan Malaysia Journal Article Repository</a>	804	768	503	424
	591	<a href="#">Universiti Malaysia Perlis Library Digital Repository</a>	232	892	1039	336
	684	<a href="#">Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Institutional Repository</a>	778	784	774	440
		<a href="#">University of Malaysia Sarawak Institutional Repository</a>	335	892	619	585



Writing a Great Paper and Getting it Published in a Research Journal - muka 8

SEMINAR SISTEM PERPUSTAKAAN BERSEPADU KOHA - MUKA 10

# UPM INSTITUTIONAL REPOSITORY

is the number 1 in Malaysia and the 290<sup>th</sup> world - muka 4

## Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pembaca MyLibrary,

Alhamdulillah dan bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya, **Buletin MyLibrary Bilangan ke-15** telah berjaya diterbitkan pada tahun 2017. Seperti biasa, MyLibrary menyiarkan aktiviti dan peristiwa yang berlaku di Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Selain itu, turut dipaparkan maklumat perkhidmatan dan kemudahan baharu serta delegasi pelawat dan pelajar latihan industri yang diterima dalam tempoh setengah tahun ini.

Melangkah tahun 2017, PSAS diberi tanggungjawab penting oleh pihak Pengurusan Universiti untuk menyediakan Perkhidmatan Verifikasi Penerbitan Bagi Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik dan Perkhidmatan Verifikasi Jurnal. Kini, PSAS berperanan mengesahkan artikel penerbitan pegawai akademik UPM apabila memohon kenaikan pangkat disamping membantu pelajar dan pegawai akademik memilih jurnal yang terkemuka dan berimpak tinggi semasa menerbitkan artikel ilmiah.

Selain itu, PSAS terus mengekalkan kecemerlangan sebagai Repositori Institusi Terbaik di Malaysia dengan berjaya menduduki tempat pertama bagi tempoh Julai - Disember 2016 yang telah diumumkan pada awal tahun 2017. Repositori Institusi atau lebih dikenali sebagai UPM IR merupakan arkib digital dalam talian yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Digital (BPSD), PSAS untuk menyimpan koleksi maklumat saintifik dan penyelidikan UPM. UPM IR yang boleh diakses secara global melalui internet dapat membantu meningkatkan H-Index dan sitasi penerbitan pegawai akademik apabila artikel mereka dirujuk oleh penyelidik-penyelidik lain di peringkat antarabangsa.

Semoga peranan yang dimainkan PSAS ini mampu membantu UPM memperkukuhkan aspek fundamental dalam aktiviti penyelidikan akademik melalui peningkatan bilangan penerbitan dalam jurnal terkemuka dengan bilangan sitasi penerbitan (citations) dan PSAS terus kekal cemerlang di masa hadapan.

Salam hormat.

MOHD DASUKI SAHAK  
Editor  
dasuki@upm.edu.my

## Anugerah High Research Output Award 2016

Oleh Siti Razimah Mohd Noor



Encik Muzaffar Shah Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan mewakili UPM menerima anugerah yang disampaikan oleh wakil pihak Emerald Publishing.



Trofi dan Sijil Anugerah "High Research Output Award 2016"

**KUALA LUMPUR, 18 April** - Universiti Putra Malaysia telah menerima Anugerah "High Research Output Award 2016" dengan pencapaian tempat ke empat di Malaysia semasa Persidangan Emerald Librarian Conference 2017 di Sunway Putra Kuala Lumpur. Anugerah ini disampaikan berdasarkan jumlah pengarang UPM yang berjaya menerbitkan dalam Jurnal di Pangkalan Data Emerald.

## Isi Kandungan

My Library Bilangan 15

- Anugerah High Research Output Award 2016 2
- Search, Share and Win With Wiley 2017 Online Quiz 3
- Putra Cafe@Library 3
- Kerja-Kerja Menaik Taraf Penyaman Udara Di Bangunan Psas 3
- Perkhidmatan Verifikasi Penerbitan Artikel dalam Citation Index Journal untuk Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik UPM 4
- UPM Institutional Repository is the number 1 in Malaysia and the 290th world 4
- Perkhidmatan Pengesahan Status Jurnal 5
- IOP Editor's Talk 6
- "Wiley Publishing Clinic and Webinar: Write Your Next Paper With Success" 7
- Writing A Great Paper And Getting It Published In A Research Journal 8
- Program "Workshop on Increasing the Impact of Research: Strategies and Practical Guidelines for Universities and Research Institutions" Anjuran Bersama PSAS, UPM dan ISC 9
- "Seminar Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA: Amalan Terbaik dalam Pengurusan Bahan-Bahan Perpustakaan" 10
- Program Literasi Maklumat 11
- MALRep : Malaysian Academic Library Institutional Repositories 12
- Kalendar Lawatan 14
- Book Review 15
- PSAS Research Information HUB 16

## Sidang Pengarang

Penasihat <b>Pn. Azizah Zainal Abidin</b>	Jurufoto <b>En. Muhammad Adib Ahmad Khalid</b>
Ketua Editor <b>Pn. Siti Razimah Mohd Noor</b>	Pereka Grafik <b>Cik Suzaini Mohamad Kasim</b>
Editor <b>En. Mohd Dasuki Sahak</b>	Pengedaran <b>Pn. Norita Idris</b>
Penulis <b>Staf PSAS</b>	<b>Pn. Norlela Mohd Yusof</b>



MyLibrary merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:


**Ketua Editor MyLibrary**  
Bahagian Korporat dan Latihan Staf  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor.  
Tel. : 03-894678607 / 7948  
Faks : 03-89483745  
E-mel : mylibrary@upm.edu.my

## Search, Share and Win With Wiley 2017 Online Quiz

By Zubaidah Iberahim and Salmah Abdullah



Congratulation to Miss Muna Abadi from Faculty of Science & Food Technology, UPM on winning Toshiba Portable Hard Disk 1TB (1st prize) the Wiley Online Quiz 2017 for the Main Quiz.



Congratulation to Nur Shafiqah Ain Mustaza from Faculty of Educational Studies, UPM on winning Toshiba Portable Hard Disk 1TB (1st prize) the Wiley Online Quiz 2017 for the Bonus Round.

Perpustakaan Sultan Abdul Samad in collaboration with Wiley conducted an online quiz starting 20<sup>th</sup> February to 7<sup>th</sup> April 2017. The quiz aim to promote and enhance the use of databases / e-journals among researchers,

students and the campus community. Participants have to answer six questions for the main quiz and are also entitled to enter the round bonus quiz. There are 283 correct entries received for

the contest. Winners are randomly selected from the correct entries and AEON shopping voucher valued RM20 each were distributed to 30 lucky winners. Congratulations to the winners of Search, Share and Win with Wiley!

## Putra Cafe@Library

Oleh Siti Razimah Mohd Noor

**SERDANG, 22 Februari** - Kini, pengguna Perpustakaan Sultan Abdul Samad dan warga UPM boleh menikmati pelbagai juadah menarik di Putra Cafe@Library yang terletak di Blok B, PSAS. Putra Cafe@Library beroperasi setiap hari bekerja, mulai jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang dan diuruskan sepenuhnya oleh pihak UPM Holdings. Pengunjung boleh memilih pelbagai menu tempatan atau barat dengan harga yang berpatutan serta dapat menikmati suasana yang selesa dan kondusif.



Bahagian luar Putra Cafe@Library yang tersergam indah



Suasana dalam Putra Cafe@Library yang selesa dan kondusif

## Kerja-kkerja Menaik Taraf Penyaman Udara di Bangunan PSAS

Oleh Azlan Ibrahim

**Mulai 27 Mac hingga 27 Mei 2017**, tingkat dua blok A PSAS telah ditutup untuk memberi laluan kepada kerja-kkerja menaik taraf penyaman udara di bangunan PSAS. Oleh itu, ruang bacaan, surau dan karek telah ditutup kepada semua pengguna sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, pengguna masih boleh meminjam buku dengan mengisi borang permohonan bahan yang boleh didapati di Kaunter Sirkulasi. Ruang bahagian yang ditutup ini akan dibuka semula kepada pengguna selewat-lewatnya pada pertengahan Jun 2017 apabila semua kerja-kkerja menaik taraf telah selesai.



## Perkhidmatan Verifikasi Penerbitan Artikel dalam Citation Index Journal untuk Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik UPM

Oleh Rusniah Sayuti

Analisa penerbitan artikel dalam jurnal terindeks di pangkalan data sitasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa adalah penting untuk mengukur produktiviti penyelidikan, impak penyelidikan dan penilaian H-index penyelidik. Justeru itu, penerbitan artikel dalam jurnal terindeks dijadikan salah satu kriteria kenaikan pangkat untuk pegawai akademik di Universiti Putra Malaysia (UPM) dimana semua pegawai akademik perlu mendapatkan verifikasi penerbitan artikel untuk mengesahkan artikel penerbitan mereka apabila ingin memohon kenaikan pangkat di UPM.

Selaras dengan objektif Perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan maklumat untuk kegiatan penyelidikan Universiti, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah diberi tanggungjawab oleh pihak Pengurusan Universiti untuk menyediakan Perkhidmatan Verifikasi Penerbitan untuk Kenaikan Pangkat Staf Akademik di UPM bermula bulan Disember Tahun 2016. Seramai empat orang Pustakawan di Seksyen Perkhidmatan Penyelidikan, Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat (BPPM) ditugaskan bagi menyediakan perkhidmatan

ini.

Pustakawan berkenaan akan mengenalpasti status artikel staf akademik UPM sama ada ia diterbitkan dalam jurnal terindeks iaitu Scopus, Journal Citation Reports (JCR) dan Excellence in Research for Australia (ERA), atau sebaliknya. Perkhidmatan ini boleh dimohon melalui Urusetia Kenaikan Pangkat di Pusat Tanggung Jawab pegawai akademik yang ditetapkan dan pihak PSAS akan menyediakan laporan tersebut dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh permohonan.



## Perkhidmatan Pengesahan Status Jurnal

Oleh Zubaidah Ibrahlim

Mulai Januari 2017, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) menawarkan perkhidmatan baharu berkaitan dengan aktiviti penyelidikan iaitu "Perkhidmatan Pengesahan Status Jurnal". Perkhidmatan ini bertujuan membantu pelajar dan pegawai Universiti Putra Malaysia (UPM) menerbitkan artikel dalam penerbitan ilmiah.

Pustakawan berkenaan akan membantu dengan mengesahkan status pengindeksan jurnal sama ada diindeks dalam Pangkalan

Data Bibliografi Antarabangsa iaitu Scopus atau Journal Citations Reports (JCR). Pengesahan ini penting untuk memastikan pelajar dan pegawai UPM memilih jurnal yang berimpak tinggi dalam menerbitkan artikel ilmiah mereka.

Perkhidmatan Pengesahan Status Jurnal ini dikendalikan oleh pustakawan di Seksyen Perkhidmatan Penyelidikan, Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat (BPPM). Pelajar dan pegawai UPM boleh

memohon perkhidmatan ini dengan mengisi Borang Pengesahan Status Jurnal yang boleh dimuat turun di <http://www.lib.upm.edu.my/> penyelidikan-2732 atau dengan menghubungi pustakawan di BPPM seperti berikut:

**Pustakawan Sokongan Penyelidikan Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia**  
Telefon: 03-89468651  
E-mel: psas\_sp@upm.edu.my



### BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN MAKLUMAT / RESEARCH AND INFORMATION SERVICES DIVISION PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD BORANG PENGESAHAN STATUS JURNAL DALAM SCOPUS/ JOURNAL CITATIONS REPORT (JCR) VERIFICATION FORM OF JOURNAL STATUS IN SCOPUS/ JOURNAL CITATIONS REPORT (JCR)

Tarikh / Date: 9 Januari 2017

Saya ingin memohon pihak Perpustakaan mengesahkan status jurnal di bawah samada diindeks dalam / I would like the Library to verify the status of the journals stated below whether indexed in:

Scopus  
 JCR

(Sila nyatakan tandakan / Please tick your preferences)

Maklumat Jurnal / Details of Journal:

No.	Judul Jurnal / Journal Title	Penerbit / Publisher	ISSN	Tahun Terbit / Year of Publication
1	Eg. International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)	Universiti Malaysia Pahang Publishing	ISSN: 2229-8649 (Print); ISSN: 2180-1606 (Online)	2016
2				
3				
4				
5				

Maklumat Pemohon / Applicant's Information:

Nama / Name :  
No. Matrik / Matric No. :  
Fakulti / Faculty :  
Program / Programme :  
Telefon Bimbit / Mobile No. :  
E-Mel / E-Mail: :

E-mel kepada / or email to: psas\_sp@upm.edu.my

Permohonan akan diproses dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima / Application will be processed within 3 working days upon receiving.

Untuk pertanyaan dan penjelasan lanjut hubungi / For further enquiry and clarification contact:

Tel: 03-89468651 E-mel / E-mail: psas\_sp@upm.edu.my  
Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat / Research and Information Services Division  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
Universiti Putra Malaysia

KEGUNAAN PEJABAT / OFFICE USE

Tarikh terima / Received date:  
No. rujukan / Reference no.:

BPPM, PSAS - Januari 2017

## UPM Institutional Repository is the number 1 in Malaysia and the 290<sup>th</sup> world

Oleh Nida Hidayati Ghazali

SERDANG, January 25 - UPM Institutional Repository is ranked 1<sup>st</sup> in Malaysia and the 290<sup>th</sup> world rankings. Institutional Repository is an online digital archive that serves as a central collection and storage of scientific information and research at the Universiti Putra Malaysia. <http://www.psasir.upm.edu.my/>

Ranking	World Rank	Instituto	Size	Visibility	Files Rich	scholar
1	290	Universiti Putra Malaysia Institutional Repository	498	562	428	92
2	370	Universiti Sains Malaysia Institutional Repository	768	619	547	125
3	374	International Islamic University Malaysia Repository	366	612	579	186
4	394	Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository	470	472	282	576
5	477	Universiti Malaysia Pahang Institutional Repository	516	705	644	273
6	567	Universiti Kebangsaan Malaysia Journal Article Repository	804	768	503	424
7	591	Universiti Malaysia Perlis Library Digital Repository	232	892	1039	336
8	603	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Institutional Repository	778	784	774	440
9	684	University of Malaya Repository	335	922	619	585
10	741	University of Malaya Students' Repository	870	1022	654	466
11	750	University Utara Malaysia I Repository	685	1046	815	436
12	755	Universiti Utara Malaysia E Theses	998	1001	859	439
13	767	University of Malaya Research Repository	729	870	566	826
14	772	Universiti Malaysia Sabah Institutional Repository	800	1138	1003	288
15	820	Universiti Malaysia Sarawak Institutional Repository	859	1120	1202	414
16	964	Universiti Teknikal Malaysia Melaka Repository	793	1584	1583	194
17	1022	e-IMiyaz Islamic Science University of Malaysia Repository	837	1288	1034	824
18	1066	Universiti Teknologi MARA Institutional Repository	819	1412	961	779
19	1091	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Institutional Repository	1422	1288	1095	901



## IOP Editor's Talk

By Siti Noorhaniza Hamdan

**SERDANG, May 15** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) in collaboration with IOP Publishing and Faculty of Science organized 'IOP Editor's Talk' at Bilik Saintis Gemilang, Faculty of Science, UPM. IOP Publishing is a scientific publishing company wholly owned by the Institute of Physics which provides publishing services to other societies and research institutes in advance physics research, application and education globally.

The speaker Miss Mico Zhang who is the Marketing Executive of IOP Publishing Beijing Office begin with a brief introduction to IOP which covers IOP journals and ebooks. In her talk, she advised participants in choosing where to submit their papers. The first factor to keep in mind is the need to ensure that the participants must have a clear and logical message. She also reminded participants to present their papers in the correct format for the journal to which they intend to submit.

Participants was also informed that writing for academic journals is a highly competitive activity, and it's important to understand that there could be several reasons behind a rejection. Furthermore, the journal peer-review process is an essential element of publication. Miss Mico Zhang also shared tips in writing research papers and the peer review process after the submission of the papers.



## "Wiley Publishing Clinic and Webinar: Write Your Next Paper With Success"

Oleh Siti Noorhaniza Hamdan

**SERDANG, 11 Mei** - Buat julung kalinya Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah menganjurkan "Program Live Webinar" anjuran Wiley. Webinar ialah siaran secara langsung mengenai sesuatu topik yang disiarkan melalui internet seperti siaran video, audio ataupun interaktif multimedia.

Pihak Wiley telah menganjurkan Live Webinar Publishing Clinic bertajuk "Write Your Next Paper With Success" di Bilik Termasa, Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Sesi ini telah dikendalikan

oleh editor jurnal dari Wiley iaitu Dr. Jose Oliveira dan Dr. Patchanita Thamyongkit. Kedua-dua editor berkongsi tips dengan peserta mengenai kaedah penulisan dan penerbitan artikel yang berkualiti.

Walaupun program ini baru pertama kali dianjurkan, penyertaan yang diterima daripada peserta sangat menggalakkan dengan penyertaan terdiri daripada pelajar pasca siswazah, penyelidik, penyarah dan juga pustakawan UPM. Peserta turut memberi kerjasama yang baik dengan

mendaftar terlebih dahulu di Laman Web Wiley sebelum program diadakan. Selepas program berakhir, peserta diberikan sijil elektronik dan slaid pembentangan sebagai tanda penghargaan kerana menghadiri "Program Live Webinar".

Semoga program seumpama ini akan diteruskan lagi di masa hadapan kerana ia banyak memberi manfaat, terutama kepada warga UPM yang baru sahaja menceburi diri dalam aktiviti penulisan ilmiah.





## Writing a Great Paper and Getting it Published in a Research Journal

By Khairil Ridzuan Khahirullah

**SERDANG, February 23** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) in collaboration with Elsevier Publishing has successfully conducted workshop on "Writing a Great Paper, and Getting it Published in a Research Journal". The objective of the workshop is to assist authors in Universiti Putra Malaysia (UPM), in understanding the international best practices in publishing, preparing and submitting the proper manuscript language, articles structure, and the understanding of ethical writing.

The workshop is suitable for those who have little experience of preparing papers for publication, but expect to do so in the future. This is an initiative of PSAS to support research activities in UPM.

The workshop has attracted more than 340 participants from UPM comprising of students, researchers and lecturers and was held at

the Auditorium Putra, Office Of The Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation) Building, UPM.

The workshop took approximately 2.5 hours which was divided into two sessions. The first session delivered by Dr. Valerie Teng-Broug, Journal Publisher, Elsevier. She covered issues related to publishing such as "Point to be Considered Before, During and After Writing Including the Review Processes" and "Responsibilities of the Authors".

The second session was delivered by Mr. Nicholas Pak, Solutions Consultant, Elsevier. He covered topics on how to get your paper noticed which include "How to Read and Write Better; Sharing Publication; Tracking Author Profile; Bibliometrics Analysis; Altmetrics Analysis; Sharing Author's Work; Joining International Groups for Collaboration; and Tracking Readership".



Dr. Valerie Teng-Broug, Journal Publisher, Elsevier



Mr. Nicholas Pak, Solutions Consultant, Elsevier

## Program "Workshop on Increasing the Impact of Research: Strategies and Practical Guidelines for Universities and Research Institutions" Anjuran Bersama PSAS, UPM dan ISC

Oleh Mohd Dasuki Sahak



Profesor Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Naib Canselor turut hadir memberi sokongan kepada penceramah dan urusetia bengkel



Prof. Dato' Dr. Husaini Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hadir merasmikan bengkel

**SERDANG, 1 Mac** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Islamic World Science Citation Center (ISC) telah berjaya menganjurkan program "Workshop on Increasing the Impact of Research: Strategies and Practical Guidelines for Universities and Research Institutions" bertempat di Dewan Kuliah Philip Kotler, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM. Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, pegawai penyelidik, editor jurnal akademik dan pelajar

siswazah telah menghadiri program ini. Program ini merupakan salah satu usaha untuk mewujudkan rangkaian akademik yang proaktif antara UPM dengan universiti atau agensi berkaitan tentang keperluan berinteraksi secara berkesan dengan penyelidik dan pihak yang terlibat dengan kaedah sitasi.

Dua orang pakar daripada ISC yang berpangkalan di Shiraz, Iran iaitu Prof. Madya Dr. Mohammad Javad Dehghani dan Prof. Madya Dr. Ali Gazni

telah dijemput sebagai penceramah dan antara yang menarik ialah pembentangan mereka mengenai kedudukan hasil penyelidikan di Malaysia berbanding Negara-Negara Islam OIC (Organisation of Islamic Cooperation) lain. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh ISC, purata peningkatan saintifik di Negara-Negara OIC ialah 600% dan Malaysia berjaya mencapai 1,300%. Selain itu, Malaysia juga merupakan dalam kalangan tiga negara yang mempunyai peningkatan saintifik tertinggi.



Peserta bengkel bergambar beramai-ramai bersama dengan penceramah



## “Seminar Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA: Amalan Terbaik dalam Pengurusan Bahan-Bahan Perpustakaan”

Oleh Shaifol Yazam Mat

**SERDANG, 3 Mei** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama kerjasama UPM Education and Training Sdn. Bhd (UPMET) yang bernaung dibawah UPM Holdings yang merupakan anak Syarikat UPM telah menganjurkan “Seminar Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA: Amalan Terbaik dalam Pengurusan Bahan-Bahan Perpustakaan”.

Seminar ini diadakan berikutan keperluan semasa daripada pihak-pihak yang berkepentingan dalam Perpustakaan dan Pusat Sumber yang ingin mengetahui dengan lebih jelas lagi mengenai Sistem Perpustakaan Bersepadu (Integrated Library Management System) yang berasaskan sistem

terbuka iaitu Sistem KOHA. Penganjuran seminar ini menjadi suatu landasan untuk menyampai dan berkongsi ilmu pengetahuan berdasarkan amalan terbaik yang diperolehi melalui pengalaman oleh perpustakaan-perpustakaan yang telah melaksanakan Sistem KOHA di Perpustakaan masing-masing.

Sebanyak lapan pembentangan telah disampaikan dalam seminar selama satu setengah hari oleh penceramah jemputan, dengan dihadiri seramai 40 orang peserta dari dalam dan luar UPM. Melalui seminar ini, peserta seminar berpeluang berinteraksi secara langsung dengan pustakawan daripada Perpustakaan yang telah menggunakan dan melaksanakan Sistem KOHA.

# Program Literasi Maklumat

Oleh Azana Abd Hadi



**Program Literasi Maklumat (PLM)** merupakan program pendidikan pengguna oleh pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) untuk membantu warga Universiti Putra Malaysia (UPM), khususnya pengguna perpustakaan menggunakan sumber maklumat, koleksi, perkhidmatan, kemudahan dan prasarana di Perpustakaan.

Melalui PLM, pelajar akan dapat membina kemahiran pencarian maklumat yang lebih cekap dan berkesan untuk menggunakan pelbagai sumber maklumat. Selain itu, pelajar mampu dan berkebolehan menilai sumber bahan yang berkualiti dan beretika untuk tujuan aktiviti rujukan, pembelajaran dan penyelidikan.

Di PSAS, Pustakawan Penghubung Fakulti diberi tanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan Kelas PLM mengikut jadual dan kategori kelas. Setiap kelas PLM menggunakan modul yang dibangunkan khusus mengikut kategori kelas dan sentiasa dikemaskini untuk memenuhi keperluan dan perubahan semasa Perpustakaan dan Universiti. Program PLM terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

- Sesi Pengenalan Perpustakaan;

- Kelas Berjadual; dan
- Kelas Permohonan.

### a. Sesi Pengenalan Perpustakaan

Sesi Pengenalan Perpustakaan dilaksanakan pada awal semester pertama setiap kemasukkan pelajar baharu pra siswazah. Sesi yang dijalankan selama dua (2) minggu ini dilaksanakan secara besar-besaran di PSAS dan semua Perpustakaan Cawangan. Terdapat dua (2) jenis kelas dalam sesi ini iaitu Kelas Katalog Perpustakaan (WebOPAC) dan Sesi Pengenalan Perpustakaan.

Melalui Kelas Katalog Perpustakaan, pelajar diberi tunjuk ajar tentang kaedah pencarian bahan pembelajaran dan penyelidikan dengan menggunakan Sistem Pengkomputeran Perpustakaan iaitu WebOPAC. Manakala, dalam Sesi Pengenalan Perpustakaan, pelajar didedahkan mengenai peraturan, kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan dalam bentuk media visual.

### b. Kelas Berjadual

Kelas Berjadual telah dirancang sepanjang tahun oleh pustakawan untuk memudahkan pelajar memilih masa yang bersesuaian mengikut jadual

mereka. Pustakawan akan memaklumkan jadual kelas dalam Buletin Putra dan turut dihantar secara langsung melalui e-mel kepada setiap pensyarah di fakulti. Selain itu, poster kelas juga turut diletakkan di tempat-tempat yang strategik agar mudah diakses oleh pelajar.

Kelas Berjadual merangkumi Kelas Hari Selasa, Kelas Kemahiran Maklumat, Kelas Pangkalan Data oleh pembekal terpilih dan Kelas khusus kepada pelajar pasca siswazah baharu. Kelas ini terbuka kepada semua warga UPM dan pelajar boleh hadir mana-mana kelas tanpa mendaftar terlebih dahulu.

### c. Kelas Permohonan

Pensyarah boleh memohon Kelas Permohonan untuk membantu pelajar mereka mempelajari kaedah pencarian maklumat secara bercetak dan atas talian dengan lebih berkesan. Lazimnya, permohonan ini diterima untuk pelajar yang sedang membuat latihan ilmiah atau pun projek-projek tertentu serta Laporan Tahun Akhir dan Tesis. Modul yang disediakan lebih khusus dan terperinci mengikut subjek pelajar.



Encik Amir Hussain Md. Ishak, Ketua Pustakawan sedang menyampaikan ucapan aluan.

Encik Mohd Nasir Md Rashid, Timbalan Ketua Pustakawan Universiti Sains Malaysia dijemput sebagai penceramah utama.

Cik Nazibah Kamaruddin, Pustakawan Kanan, Bahagian Perkhidmatan Pengguna sedang menerangkan tentang Modul Sirkulasi kepada peserta.

Peserta bengkel bergambar beramai-ramai dengan Ketua Pustakawan.

## TRAINING SESSION ON SUBSCRIBED LIBRARY DATABASES

VENUE: MALAWATI ROOM, GROUND FLOOR, BLOK A, PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD, UPM



Date Time	20/3/2017 Monday	21/3/2017 Tuesday	22/3/2017 Wednesday	23/3/2017 Thursday	24/3/2017 Friday
10:00 am to 12:00 am	<b>CAMBRIDGE JOURNALS ONLINE</b>  Scope: Business / Humanities / Social Sciences / Science and Technology etc.	<b>WILEY ONLINE</b>  Scope: Agricultural and Animal Sciences / Food Technology / Social Sciences / Science & Technology	<b>SCIENCE DIRECT</b>  Scope: Science & Technology / Social Sciences	<b>SPRINGER LINK</b>  Scope: Science & Technology / Social Sciences	<b>EMERALD</b>  Scope: Engineering / General Management / Human Resources / Information Management / Marketing / Operations / Production etc.

**TRAINING WILL BE CONDUCTED BY EXPERTS FROM THE PUBLISHER**  
All library users are invited for the training.

For any enquiries, please contact:  
Research & Information Services Division (03-8946 8625 / 8620)  
Reader's Advisory Desk (03 8946 8642) or  
Visit our website (<http://www.lib.upm.edu.my>) for more information

# MALRep : Malaysian Academic Library Institutional Repositories

By Nur Alia Shakila



## How to Access MALrep ?

### 1. KEYWORD SEARCH

- Type **keyword** (topic). Example: Science and technology for the working world.
- Click **All field** to choose specific type of the keyword, such as Author, Title, Subject, Call number, and others.
- Click **Find**

### 2. ADVANCE SEARCH

- Type **keyword** (topic). Example: Science and technology for the working world.
- Click **All field** to choose specific type of the keyword, such as Author, Title, Subject, Call number, and others.
- Click **Find**

### 3. SEARCH RESULT & CHOOSE

- The **search results screen** will be displayed.
- At search result, click the **name/title of the book**.

### 4. MATERIAL INFORMATION

- The screen displays **the information about the book will be appear in detail**, such as Author, language, published and more.

The **MALRep**® is a union catalog of records representing open access digital resources that was built by harvesting from Malaysian Higher Education Provider (HEP) open access collections using the Open Archives Initiative

Protocol for Metadata Harvesting (OAI-PMH). Today, MALRep includes more than 349 thousand records representing digital resources from more than 25 contributors. The records of the open access digital resources available

via MALRep lead to a wide range of materials and include: Journal articles, Newspapers, Manuscripts, Digital text, Photographic images (jpeg, tiff, gif) and Theses and research papers.

Malaysian Academic Library Institutional Repository (MALRep) can be accessed through :  
My UniNet Portal (<http://perpun.upm.edu.my/myuninet/>) and Click "MalRep".  
Direct URL at <http://malrep.uum.edu.my/>

For more information, please contact our librarian:  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
Tel : **03-89468642**  
e-mail : **lib@upm.edu.my**

# Kalendar Lawatan Perpustakaan Sultan Abdul Samad


Oleh Norfela Mohd Yusof

Sehingga bulan April 2017, PSAS telah menerima sebanyak sembilan (9) lawatan dari pelbagai kategori/organisasi dari dalam dan luar negara. Jumlah lawatan yang diterima adalah berkurangan kerana PSAS tidak dapat menerima sebarang lawatan luar semasa kerja-

kerja menaik taraf penyaman udara di bangunan PSAS pada bulan Mac hingga Mei 2017. Berikut adalah lawatan yang diterima sepanjang Bulan Jan hingga April 2017:

BULAN	TARIKH	PELAWAT	LATIHAN INDUSTRI
Januari	17/01/2017	 Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	 Saidatul Aqma Abd Halim (paling kiri), pelajar latihan industri 'Diploma Sains Perpustakaan', UNISEL (13 Februari - 21 April 2017) bersama Pensyarah UNISEL dan Pustakawan PSAS.
	23/01/2017	Delegasi dari Isfahan University & Farhagian University, Iran	
Februari	01/02/2017	UiTM Puncak Perdana	 Dua orang pelajar Universiti Teknologi MARA telah menjalani latihan industri di PSAS pada bulan Februari hingga Jun tahun ini iaitu Saudari Nur Alia Shakila Binti Ruslan (kanan) dan Saudari Nurul Hidayah Atikah Binti Abdullah.
Mac	02/03/2017	Kolej Vokasional Pertanian Chenor, Maran, Pahang	
	03/03/2017	Delegasi dari Srinakharinwirot University, Thailand	
	10/03/2017	 Sekolah Men. Keb. Seri Perdana, Kluang, Johor	
	13/03/2017	Delegasi dari Niigata University, Japan	
April	26/04/2017	 Delegasi dari Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia	

## Book Review




### Digital Culture and Religion in Asia

**Author:** Sam Han; Kamaludeen Mohamed Nasir  
**Publisher:** Routledge, Taylor & Francis Group  
**Year of publication:** 2016  
**Call Number:** BL265 I54H233  
**Location:** Main Library

This book critically analyzes the functions and interconnectedness between religion and digital media in a range of East Asian countries. It discusses both how

religious organization make use of new technologies, and also explores how new technologies are reshaping religion in novel and interesting ways. Based on extensive research, the book focuses in particular on christianity in South Korea, neo-Shintoism in Japan, Falun Gong in China and Islam in Southeast Asia. Offering a comparative perspective on a broad range of media practices including video gaming, virtual worship, social networking and online testimonials, the book also investigates the idea that use of technology in itself mirrors religious practices. With an analysis of the impact of religion and new technology on national consciousness in a range of geographical locations, the authors offer a broadening of the scope of the study of religion, culture and media.




### Differential Scanning Calorimetry : Applications in Fat and Oil Technology

**Editor:** Emma Chiavaro  
**Publisher:** Taylor & Francis  
**Year of publication:** 2015  
**Call number:** TP671 D569  
**Location:** Main Library

This book provides a complete summary of the scientific literature about differential scanning calorimetry (DSC), a well-known thermo-analytical technique that currently

has a large set of applications covering several aspects of lipid technology. The book is divided into three major sections. The first sections covers the applications of DSC to study cooling and heating profiles of the main source of oil and fats, second is more to theoretical, discussing the application of DSC coupled to the related thermal techniques and other physical measurement. And the third is covers specific applications of DSC in the field of quality of palm, palm kernel, and coconut oils and their fractions. This book is a helpful resources for academicians, food scientist, food engineers and food technologists, food industry operators, government researchers and regulatory agencies.




### From Accidents to Zero: A Practical Guide to Improving Your Workplace Safety Culture – 2nd edition

**Author:** Andrew Sharman  
**Year of Publication:** 2016  
**Call Number:** T 55 S531  
**Location:** Main Library  
**Publisher:** CRC Press, Taylor & Francis Group

This book is a collection of ideas and discussions inspired

by many academics, researchers, experts, leaders and managers around the world. Their experiments, ideas, views and actions are combined together to give more information and theory pertaining to safety culture in workplace. There are those who pioneered in the way we view behavior such as Albert Bandura, Jean Piaget, Karl Weick, Alphonse Chapanis and Burrhus Skinner. Their modern-day counterparts help us to refine our thinking and built our understanding regarding safety culture. The author hope that practitioners and leaders in the future will be able to look back to the present as the time that the subject of workplace safety become truly interesting based on the experiments, ideas, views and actions combined in this book.



### Social Networking as a Criminal Enterprise

**Author:** Catherine D. Marcum & George E. Higgins  
**Year of Publication:** 2014  
**Call Number:** HV 6773 S678  
**Location:** Main Library  
**Publisher:** Gower

The purpose of this book is to provide the reader with a

thorough examination of how social networking criminality has affected our criminal justice system. Experts in the field have provided broad overview of the emergence of social networking, the types of crimes committed, and how the system is handling these offenders. Important key concepts, statistics, and legislative histories are discussed in every chapter. The book concludes by discussing law enforcement's response, including new techniques and training, type of evidence, and use of experts. It also discusses how the corrections system has been affected by these types of offenders. This book should be a very useful guide to students, academics, and practitioners alike.



Join the Malaysia ChemInfo Mission 2017 to find out how well you can retrieve chemical information. Answer 5 questions correctly and stand to

**WIN ONE OF THESE ATTRACTIVE PRIZES!**

<p><b>1st Prize:</b> Apple iPad 9.7" Pro WiFi 32GB In Silver (1 winner)</p> 	<p><b>2nd Prize:</b> Samsung Galaxy Tab S2 VE 8.0" Black (1 winner)</p> <p>Please Click Here to Join</p> 	<p><b>3rd Prize:</b> Apple iWatch Space Gray Aluminum 38mm Case with Black Sport Band (1 winner)</p> 
	<p><b>4th Prize:</b> Starbucks RM100 Gift Card (3 winners)</p> 	<p><b>5th Prize:</b> Coffee Bean &amp; Tea Leaf RM50 Gift Card (4 winners)</p> 

PSAS Research Information Portal showcases the breadth and diversity of research information prepared/compiled by Research Support Division, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Key Features

- Reports / analysis of UPM research outputs
- Guides on how to do research
- Guides before publish

QUICK LINKS

- H-Index
- Journal Citation Report
- Research Tools

HOW TO

- Journal Citation Report
- Searching JCR by Journal Title
- Searching JCR by Subject Category
- How To H-Index
- Finding Author's H-Index
- Merge Author ID

BPPM BLOG

BPPM BLOG

# PSAS Research Information Hub

Oleh Khairil Ridzuan Khahirullah

**Hub Maklumat Penyelidikan PSAS** (PSAS Research Information Hub) merupakan portal yang menyediakan pelbagai maklumat kemudahan penyelidikan untuk para pensyarah dan pelajar. Portal ini di bangukan oleh Seksyen Perkhidmatan Penyelidikan, Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Maklumat (BPPM) dengan kerjasama Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat, Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

Maklumat dalam portal ini disediakan dalam Bahasa Inggeris sahaja. Portal Hub Maklumat Penyelidikan PSAS tampil dengan wajah baharu menggantikan PSASRIP pada pertengahan April 2017, yang turut menyaksikan beberapa perubahan dari segi kandungannya. Portal ini dapat diakses menggunakan url sementara iaitu <http://myagric.upm.edu.my/infohub/>.

